

01/10/1998

Kemas kumpul 300,000 buku

Syuhada Choo Abdullah; Dewi Murni Mohamed

SETAKAT ini Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), Kementerian Pembangunan Luar Bandar berjaya mengumpulkan kira-kira 300,000 bahan bacaan sumbangan pelbagai pihak sempena Kempen Derma Buku yang dilancar Ogos lalu.

Bagaimanapun jumlah itu hanya kira-kira 30 peratus daripada sasaran sejuta buku yang ditetapkan oleh penganjur kempen berkenaan yang pada peringkat awal dijadualkan berlangsung selama dua bulan.

Memandangkan sambutan kurang menggalakkan kementerian itu memutuskan melanjutkan kempen berkenaan sebulan lagi bagi membuka peluang yang lebih luas kepada pelbagai pihak untuk terus menyumbangkan bahan bacaan masing-masing.

Ketua Pengarah Kemas, Zainal Karib Abdul Rahim, berkata dijangka sekurang-kurang 60 hingga 70 peratus daripada sasaran jumlah kutipan kempen itu dapat dicapai.

Ini berikutan penerimaan sumbangan bahan bacaan secara pukal yang menggalakkan oleh pihak kedai buku dan syarikat penerbitan serta percetakan.

Selain itu, beliau berkata, jabatan kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan kakitangan Kemas sendiri turut bekerjasama menjayakan kempen derma buku berkenaan yang bermatlamat mewujudkan 1,000 pusat bacaan di kawasan luar bandar.

"Kita akan memperhebatkan lagi usaha pengutipan sumbangan bahan bacaan dalam kempen ini serta meneruskan publisiti, termasuk hebahan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia dan kerjasama pihak akhbar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penerimaan derma 200 buku teknologi maklumat daripada Informatics Malaysia yang diwakili ahli lembaga pengarahnya, Abdul Latif Abdul Rahman, di Kuala Lumpur, semalam.

Menurut Zainal Karib, kempen itu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penting untuk memupuk tabiat membaca di kalangan masyarakat negara ini, terutama penduduk di luar bandar.

Beliau berkata, pelbagai jenis bahan bacaan berjaya dikutip dalam kempen itu akan diagihkan ke pusat bacaan yang dikenal pasti.

Katanya, semua pihak perlu mempertingkatkan kerjasama menjayakan kempen derma buku itu, sama ada sumbangan secara langsung kepada Kemas mahupun pusat kutipan di stesen minyak Petronas dan Pejabat Pos Malaysia.

Setakat ini, menurutnya, antara tiga negeri yang mencatatkan jumlah penerimaan sumbangan bahan bacaan paling tinggi ialah Selangor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan.

"Di samping itu, sumbangan juga diterima dari Sabah dan Sarawak, malah perpustakaan awam di negeri berkenaan juga banyak membantu menjayakan kempen ini," katanya.

(END)